

SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2013/10/102 (HQ)

PROSPEK LEBIH BAIK BAGI BEKALAN BAHAN API TNB

3 bulan berakhir 31 Ogos TK2013 (Suku Keempat)

- Keuntungan Bersih sebelum Translasi Tukaran Wang Asing sebanyak RM0.84 bilion (Suku Ketiga TK2013 : RM1.38 bilion)
- Harga purata arang batu pada USD80.8 per tan metric (Suku Ketiga TK2013 : USD84.4 per tan metric)
- Margin EBITDA pada 24.0% (Suku Ketiga TK2013: 30.7%)
- Keuntungan Bersih sebanyak RM0.22 bilion (Suku Ketiga TK2013: RM1.71 bilion)
- Kelemahan RM berbanding Yen dan USD sebanyak 9.3% dan 6.4%

Keseluruhan Tahun TK2013

- Keuntungan Bersih sebelum Translasi Tukaran Wang Asing sebanyak RM4.12 bilion (TK2012: RM4.64 bilion)
- Pertumbuhan 3.8% permintaan tenaga di Semenanjung Malaysia
- Harga purata arang batu pada USD83.6 per tan metric (TK2012: USD103.6 per tan metric)
- Margin EBITDA pada 28.2% (TK2012: 30.5%)
- Keuntungan Bersih sebanyak RM4.61 bilion (TK2012: RM4.41 bilion)
- Pengukuhan RM berbanding Yen sebanyak 15.6%

Kuala Lumpur, 31 Oktober 2013 - Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan Keuntungan Bersih sebelum Translasi Tukaran Wang Asing sebanyak RM0.84 bilion bagi Suku Keempat Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2013 (TK2013).

Bagi keseluruhan tahun berakhir 31 Ogos 2013, Kumpulan melaporkan Keuntungan Bersih sebelum Translasi Tukaran Wang Asing sebanyak RM4.12 bilion disumbangkan terutamanya oleh penurunan harga arang batu. Bagaimanapun, selepas mengambil kira keuntungan Translasi

Tukaran Wang Asing, Keuntungan Bersih Diagihkan kepada Pemegang Saham adalah sebanyak RM4.61 bilion.

Semenanjung (Gwh)	TK2013				12-bulan	
	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)
Unit Jualan	24,559.8	24,611.5	24,750.6	25,998.6	99,920.5	96,257.2

Kumpulan (RM juta)	TK2013				12-bulan	
	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)
Pendapatan	9,130.8	8,850.2	9,647.5	9,502.2	37,130.7	35,848.4
Perbelanjaan Operasi	(7,465.9)	(7,626.3)	(7,915.0)	(8,855.1)	(31,862.3)	(31,308.2)
Translasi Tukaran Wang Asing Untung/(Rugi)	397.4	388.6	324.7	(617.1)	493.6	(230.8)
Keuntungan Bersih Diagihkan kepada Pemegang Saham	1,415.5	1,272.1	1,707.2	219.4	4,614.2	4,410.5
Margin EBITDA	31.0%	27.1%	30.7%	24.0%	28.2%	30.5%

Prestasi kewangan Suku Keempat TK2013 kekal stabil ekoran harga purata arang batu yang dicatatkan pada paras USD80.8 per tan metrik pada Suku Keempat TK2013 berbanding USD84.4 per tan metrik pada Suku Ketiga TK2013. Kelemahan Ringgit Malaysia berbanding Yen dan USD masing-masing sebanyak 9.3% dan 6.4% pada suku keempat ini telah menyumbang kepada Keuntungan Bersih Diagihkan kepada Pemegang Saham sebanyak RM0.22 bilion bagi suku tersebut.

Bagi TK2013, pendapatan tahunan Kumpulan meningkat kepada RM37,130.7 juta daripada RM35,848.4 juta pada TK2012, sejajar dengan pertumbuhan permintaan tenaga sebanyak 3.8% bagi Semenanjung Malaysia pada TK2013. Sehubungan itu, bagi memenuhi peningkatan permintaan tenaga, Perbelanjaan Operasi turut menyaksikan peningkatan sebanyak 1.8% berbanding tahun sebelumnya.

Harga purata arang batu yang lebih rendah pada paras USD83.6 per tan metrik pada TK2013 berbanding USD103.6 per tan metrik pada TK2012 merupakan punca utama penjimatan kos penjanaan dengan kadar penurunan harga purata arang batu sebanyak 19.3% dalam tempoh 12 bulan. Walau bagaimanapun, pada TK2013, TNB masih menampung kos bahan api alternatif yang digunakan bagi memenuhi peningkatan permintaan.

Berikutan ini, Keuntungan Bersih Diagihkan kepada Pemegang Saham bagi TK2013 adalah sebanyak RM4.61 bilion. Selepas pelarasan keuntungan Translasi Tukaran Wang Asing dibuat, Keuntungan Bersih sebelum Translasi Tukaran Wang Asing adalah dilaporkan sebanyak RM4.12 bilion berbanding RM4.64 bilion yang dilaporkan pada TK2012.

Peningkatan Keuntungan Bersih sebelum Translasi Tukaran Wang Asing bagi TK2012 adalah berikutan penerimaan pampasan kos bahan api alternatif bagi tempoh Januari 2010 hingga Ogos 2012. Mekanisma Perkongsian Kos Bahan Api Alternatif yang dilaksanakan pada April 2012 adalah bertujuan untuk mengurangkan bebanan tambahan kos bahan api alternatif yang perlu ditanggung oleh TNB berikutan isu kekurangan bekalan gas. Penerimaan pampasan kos bahan api alternatif ini telah mula direkodkan di dalam Akaun Kumpulan pada Suku Kedua Tahun Kewangan 2012 dengan mengambil kira perbelanjaan kos bahan api alternatif bermula Januari 2010.

Bagi perbandingan setara, pampasan kos bahan api alternatif telah diselaraskan dalam Keputusan TK2012 telah diselaraskan bagi mencerminkan prestasi sebenar syarikat, seperti yang dipaparkan di dalam jadual berikut:

Semenanjung (Gwh)	TK2013				12-bulan	
	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)
Unit Jualan	24,559.8	24,611.5	24,750.6	25,998.6	99,920.5	96,257.2

Kumpulan (RM juta)	TK2013				12-bulan	
	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)
Pendapatan	9,130.8	8,850.2	9,647.5	9,502.2	37,130.7	35,848.4
Perbelanjaan Operasi	(7,465.9)	(7,626.3)	(7,915.0)	(8,855.1)	(31,862.3)	(31,308.2)
Translasi Tukaran Wang Asing Untung/(Rugi)	397.4	388.6	324.7	(617.1)	493.6	(230.8)
Keuntungan Bersih diagihkan kepada Pemegang Saham	1,415.5	1,272.1	1,707.2	219.4	4,614.2	3,151.6
Margin EBITDA	31.0%	27.1%	30.7%	24.0%	28.2%	25.9%

Selepas pelarasan pampasan kos bahan api alternatif, Keuntungan Bersih sebelum Translasi Tukaran Wang Asing meningkat sebanyak 21.8% daripada RM3.38 bilion pada TK2012 kepada RM4.12 bilion yang direkodkan pada TK2013. Berikutan ini, margin EBITDA meningkat sebanyak 2.3 mata peratus tahun-ke-tahun, di mana faktor utama peningkatan ini adalah disebabkan oleh penurunan harga arang batu.

Berkaitan dengan pertumbuhan permintaan tenaga, Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata pola pertumbuhan permintaan tenaga di Semenanjung Malaysia adalah berkait rapat dengan pola pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“Pertumbuhan permintaan tenaga di Semenanjung Malaysia pada Tahun Kewangan ini menurun sedikit rendah berbanding tahun lalu dengan catatan pertumbuhan pada kadar 3.8% berbanding 4.3% pada tahun lepas. Ianya adalah sejajar dengan unjuran KDNK Bank Negara Malaysia yang lebih rendah bagi tahun 2013 iaitu sebanyak 4.5% ke 5% berbanding dengan KDNK sebenar sebanyak 5.6% yang direkodkan pada tahun 2012.

Dalam tempoh masa sederhana, kita terus menjangkakan bahawa pertumbuhan permintaan tenaga akan berkembang selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara yang disumbangkan terutamanya oleh sektor komersial. Bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara, TNB akan terus memastikan keupayaan, kemampunan dan kecekapan bekalan elektrik bagi memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).”

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd menambah, permintaan puncak telah direkodkan pada paras 16,562 MW pada 13 Mei 2013, dan lanjutan ini, permintaan suku-ke-suku telah meningkat sebanyak 5% daripada 24,751 GWh pada Suku Ketiga Tahun Kewangan 2013 kepada kira-kira 26,000 GWh pada Suku Keempat Tahun Kewangan 2013.

Sukacita juga ingin kami maklumkan bahawa semenjak Terminal Regasifikasi di Melaka dimula tugas pada akhir Suku Ketiga Tahun Kewangan 2013, paras bekalan gas telah menunjukkan peningkatan berbanding sebelumnya. Walau bagaimanapun, TNB masih lagi menggunakan bahan api alternatif semasa Suku Keempat Tahun Kewangan 2013 bagi menampung peningkatan permintaan.”

Bagi Tahun Kewangan 2014, peningkatan permintaan tenaga dijangka stabil selaras dengan prospek ekonomi global yang dijangka lebih baik. Ini disokong oleh perkembangan unjuran ekonomi negara yang lebih kukuh pada kadar 5 hingga 5.5 peratus seperti yang diumumkan pada Bajet Tahun 2014.

Berdasarkan senario di atas, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa prospek Kumpulan Bagi Tahun Kewangan 2014 akan kekal stabil tertakluk kepada kestabilan harga bahan api.

Bagi Tahun Kewangan yang berakhir 31 Ogos 2013, Lembaga Pengarah telah meluluskan dividen (single-tier) sebanyak 15.0 sen sesaham biasa (TK2012 : 15.0 sen). Jumlah dividen muktamad adalah tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham TNB pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang. Tarikh penutupan buku daftar dan tarikh pembayaran akan dimaklumkan kelak.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 31 Oktober 2013

Sila majukan sebarang pertanyaan media kepada Md. Derus Bunchit di 019-2662296 / Arziril Alim Azizi di 019-2686630/Nor Hanim Idris di 019-2617617 / Maizatul Nadiah Saadon di 017-3816602

Paparan Keputusan Kewangan

RM Juta	12-bulan berakhir 31 Ogos	
	<u>TK2013</u>	<u>TK2012</u> <u>(Dinyatakan semula)</u>
Jumlah Pendapatan	37,130.7	35,848.4
Perbelanjaan Operasi	(31,862.3)	(31,308.2)
Pendapatan Operasi lain	620.8	2,140.6
Lebihan Operasi	<u>5,889.2</u>	<u>6,680.8</u>
Kos Kewangan	(936.3)	(823.0)
Translasi Tukaran Wang Asing untung/(rugi)	493.6	(230.8)
Keuntungan Bersih (sebelum hasil pendapatan translasi tukaran wang asing)	4,120.6	4,641.3
Keuntungan Bersih yang diagihkan kepada Pemegang Saham	4,614.2	4,410.5
Pendapatan sesaham	82.81 sen	61.37 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB meliputi bidang penjanaan, penghantaran, dan pembahagian tenaga elektrik. Di samping merupakan syarikat penjana elektrik utama Negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2013, TNB membekalkan elektrik kepada 8.4 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alatubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan professional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan Negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.tnb.com.my